

Dana RM5j lagi dilulus naik taraf

kemudahan Zoo Negara

Kuala Lumpur: Kerajaan Persekutuan meluluskan peruntukan sebanyak RM5 juta bagi pembangunan Zoo Negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kelulusan tambahan itu dibuat berikutan prestasi Zoo Negara yang memberangsangkan.

Katanya, Zoo Negara bukan sahaja berjaya menarik pelancong, malah memberi pendedahan pendidikan kepada murid sekolah mengenai kepentingan menjaga alam sekitar.

"Ketika lawatan saya tahun lalu, saya telah mengumumkan peruntukan RM5 juta untuk menaik taraf kemudahan dan penyelenggaraan Zoo Negara.

"Tahun ini, saya meluluskan tambahan RM5 juta lagi bagi tujuan pengurusan dan penyelenggaraan zoo," katanya.

Terdahulu, Anwar menghadiri majlis pembukaan rasmi Pusat Konservasi Giant Panda (PKGP) di Zoo Negara yang menempatkan sepasang panda gergasi baharu, Chen Xing dan Xiao Yue, yang tiba dari China pada 18 November tahun.

Lawatan itu turut disertai Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Datuk Seri Arthur Joseph Kurup; Timbalan Menteri NRES, Syed Ibrahim Syed Noh, Duta Besar Republik Rakyat China ke Malaysia, Ouyang Yujing dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Pada lawatan itu, Anwar turut menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan China, Presiden Xi Jinping; Perdana Menteri Li Qiang dan Kerajaan Republik Rakyat China atas sumbangan bermakna itu.

Katanya, kedua-dua panda gergasi berkenaan adalah tarikan utama kepada pelancong domestik dan antarabangsa.

"Kepada kementerian, pengarah dan seluruh pasukan yang mempunyai kepakaran untuk menjaga haiwan ini, perkara ini membanggakan kita dari segi upaya dalaman.

"Saya dimaklumkan tadi bahawa panda ini sangat memilih, mereka tidak makan sebarang buluh. Pelbagai jenis sudah dicuba, tetapi hanya buluh dari Rembau yang diterima," katanya.

Chen Xing iaitu panda gergasi jantan dan Xiao Yue (betina) sudah selesai menjalani tempoh kuarantin.

Perjanjian kerjasama konservasi di antara Malaysia dan China telah dimeterai bersempena lawatan negara, Presiden China Xi Jinping ke Malaysia, pada 16 April 2025.